

SIARAN AKHBAR
Untuk siaran segera



Naza TTDI Membuat Peruntukan RM20 Juta Untuk Penajaan Taman Metropolis di KL Metropolis di Bawah Inisiatif KL Lebih Hijau

KL Metropolis, Kuala Lumpur – 3 April 2017: Naza TTDI kini menjadi sebahagian daripada inisiatif KL Lebih Hijau (Greener KL) berikutan penajaan Taman Metropolis.

Taman seluas 5-ekar di KL Metropolis merupakan sebahagian daripada program proaktif tanggungjawab sosial korporat untuk memperkasa dan memelihara kawasan hijau di Lembah Klang. Naza TTDI akan menyelenggarakan taman bernilai RM20 juta itu dalam tempoh 15 tahun menerusi program tajaan ini.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI SM Faliq SM Nasimuddin, dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mohd Amin Nordin Abdul Aziz hadir di majlis pecah tanah Taman Metropolis di KL Metropolis hari ini.

Naza TTDI telah pun menandatangani persetujuan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di bawah program kerajaan Kuala Lumpur Lebih Hijau (Greener Kuala Lumpur) iaitu sebahagian daripada inisiatif Greater Kuala Lumpur/Klang Valley.

Datuk Seri Tengku Adnan berkata, “Inisiatif ini merupakan usahasama yang menguntungkan kedua-dua belah pihak demi memperbaiki kualiti udara Kuala Lumpur. Dengan ini, kita dapat meneruskan usaha ke arah kehidupan hijau untuk generasi kini dan akan datang, selaras dengan inisiatif KL Lebih Hijau.

“Taman Metropolis merupakan sokongan proaktif Naza TTDI dalam pelaksanaan inisiatif KL Lebih Hijau. Taman bandaran ini bakal menjadi kawasan hijau bagi KL Metropolis serta

berperanan sebagai tempat peralihan dan sambungan MITEC kepada MET 3,” kata SM Faliq. Beliau turut menyatakan Naza TTDI akan menanam lebih kurang 300 batang pokok dan 10 spesis tanaman bunga yang berbeza di Taman Metropolis.

Taman Metropolis direka sebagai tempat di mana pelawat boleh menikmati makanan dan membaca di bawah teduhan pokok sepertimana yang biasa dilakukan di taman-taman terkenal di merata dunia. Kawasan rimbunan ini mempunyai pusat maklumat dan dewan komuniti beserta laman berbumbung berkeluasan 27,000 kps. Penghuni dan pelawat boleh melakukan pelbagai aktiviti luar. Amfiteater, taman arca, stesen kecergasan kinetik, laluan jogging, taman permainan dan taman air, kawasan perkelahan, taman berteres dan laman acara menjadikan Taman Metropolis sebuah lokasi luaran yang unik di Kuala Lumpur.

Taman Metropolis terletak bersebelahan dengan Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), komponen pertama di KL Metropolis yang berkeluasan 75.5 ekar dan juga pusat pameran terbesar di Malaysia.

Selain MITEC, KL Metropolis terbahagi kepada 8 presint iaitu MET 1, MET 2, MET 3, MET 5, MET 6, MET 7, MET 8 and MET 9. MET 3 merupakan komponen pembangunan campuran berkeluasan 15-ekar. Dengan NPK berjumlah RM8.5 billion, MET 3 bakal mengetengahkan hotel 5-bintang, menara pejabat gred A, kediaman mewah, kompleks membeli-belah berkeluasan 2 juta kps dan juga menara mercu tanda Naza setinggi 100-tingkat.

KL Metropolis dilancarkan pada 20 October 2011 dengan tiga usahasama strategik. Pada 2 September, Naza TTDI telah memulakan kerjasama dengan Nusmetro Property Sdn Bhd untuk pembangunan di kawasan seluas 3.29 ekar dengan tiga menara yang menawarkan suite servis, kediaman servis dan kediaman terselenggara. Menara-menara ini dijangka siap pada tahun 2019.

- TAMAT -

MENGENAI NAZA TTDI

Naza TTDI Sdn Bhd, cabang hartanah bagi Naza Corporation Holdings Sdn Bhd ditubuhkan pada tahun 1973. Sebahagian daripada nama syarikat diambil daripada Taman Tun Dr Ismail, kawasan perbandaran pemenang anugerah yang pertama dibangunkan. Dengan lebih 15,000 unit kediaman dan bangunan komersil yang telah disiapkan di Selangor, Naza TTDI merupakan antara pemaju swasta yang terbesar di Malaysia.

Syarikat juga telah memperluaskan portfolio hartanahnya dengan memajukan projek berimpak tinggi seperti KL Metropolis, pembangunan campuran bersepadu bersepadu di Jalan Duta. Platinum Park bernilai RM4 billion pula merupakan projek pembangunan utama Naza TTDI yang terletak di pusat bandar Kuala Lumpur. Naza TTDI juga merupakan penerima anugerah Asia Pacific Property Award, Cityscape Asia, FIABCI, ISO Certification MS9001:2008 dan QCLASSIC Certification. Untuk maklumat lanjut, layari www.nazattdi.com. Untuk maklumat lanjut mengenai Naza Corporation Holdings, layari www.naza.com.my.

Jika berlaku perselisihan isi kandungan, sila rujuk kepada versi Bahasa Inggeris

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Woo Siew Chin +6016 323 7050 siewchin.w@nazattdi.com
Khoo Shang Hui +6019 320 8800 shanghui.khoo@nazattdi.com

Tel: +603 51015600